

B522
MAHATHIR-PEMADAM

1981

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN USAHA-USAHA PERLU DITINGKATKAN LAGI BAGI MENGAWAL DAN MEMBENTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH YANG MENJADI MASALAH MEMBIMBANGKAN, TERUTAMA DI KALANGAN BELIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SEBILANGAN BESAR PENDUDUK NEGARA INI TERDIRI DARIPADA GENERASI MUDA YANG MEMPUNYAI PERANAN PENTING UNTUK MEMBERI SUMBANGAN TERHADAP PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN NEGARA DAN SETERUSNYA MEWARISI NEGARA INI.

OLEH ITU AMAT PERLU BAGI ANAK-ANAK MUDA INI DIBERI KESEDARAN SEPENUHNYA TENTANG BAHAYA PENYALAHGUNAAN DADAH YANG BUKAN SAHAJA BOLEH MEROSAKKAN KEHIDUPAN MEREKA TETAPI JUGA AKAN MENJEJASKAN MASYARAKAT DAN MASA DEPAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA DI BUKU LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN MENCEGAH SALAHGUNA DADAH MALAYSIA (PEMADAM) YANG AKAN DIBENTANGKAN DI PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KEEMPAT PERSATUAN ITU DI KOTA BAHARU SELASA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMUJI PEMADAM KERANA BERGIAT CERGAS DAN PENUH BEDIKASI DALAM MENGHADAPI ANCAMAN DADAH YANG BEGITU MERBAHAYA KEPADA NEGARA.

BELIAU BERHARAP PEMADAM AKAN MENINGKATKAN LAGI USAHA MEMBASMI PENYALAHGUNAAN DADAH DEMI KEPENTINGAN MASYARAKAT DAN MASA DEPAN NEGARA. — BERSAMBUNG 1150/SZ

B523
MAHATHIR-PEMADAM 2 KUALA LUMPUR

MENTERI DALAM NEGERI TAN SRI GHAZALI SHAFIE PULA MENYATAKAN HARAPAN SUPAYA IDEA DAN IKHTIAR TERUS DITIMBA TANPA RAS JEMU AGAR RAKYAT DAN NEGARA SELAMAT DARI BENCANA DADAH.

MENURUTNYA, DADAH SUDAH BERADA DI TENGAH-TENGAH MASYARAKAT DAN MENJADI SATU MASALAH KESELAMATAN SERTA BERKEMUNGKINAN MENGGUGAT KETAHANAN NEGARA DAN MEMUDARATKAN GENERASI AKAN DATANG.

BELIAU BERHARAP SEMUA PIHAK AKAN MENGGABUNG FIKIRAN DAN TENAGA UNTUK MEMERANGI HABIS-HABISAN MUSUH NEGARA INI.

YANG DIPERTUA PEMADAM, DATUK RAIS YATIM, DALAM PERUTUSANNYA MENGGESA SEMUA AHLI JAWATANKUASA PEMADAM MENGORAK LANGKAH MENINGKATKAN LAGI USAHA DAN MEMBANTU KERAJAAN UNTUK MEMERANGI SALAHGUNA DADAH.

KATANYA, SEMUA RANCANGAN JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG AKAN DISUSUN DAN DILAKSANAKAN SEBERAPA SEGERA YANG BOLEH UNTUK MENCAPAI MATALAMAT TERSEBUT. — BERNAMA 1155/SZ

148